

04 NOV 2003

Norian-Perpisahan

NORIAN PUAS HATI CADANGAN PDRM DAPAT KELULUSAN KERAJAAN SEBELUM BERSARA

KUALA LUMPUR, 4 Nov (Bernama) -- Ketua Polis Negara, Tan Sri Norian Mai yang akan menamatkan perkhidmatannya hari ini berkata beliau berpuas hati kerana beberapa cadangan Polis Diraja Malaysia (PDRM) terutama berhubung kenaikan gaji dan penambahan anggota telah diluluskan oleh kerajaan sebelum beliau bersara.

"Kelulusan (tambahan anggota) secara berperingkat sudah diberikan, penyesuaian tangga gaji pula akan diumumkan tidak lama lagi," katanya dalam ucapannya kepada pegawai kanan, anggota berpangkat rendah dan kakitangan awam sempena persaraannya di Bukit Aman di sini hari ini.

Kerajaan sebelum ini telah meluluskan permohonan untuk menambah 23,000 anggota polis secara berperingkat selama enam tahun dan Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Chor Chee Heung baru-baru ini mengumumkan hasrat kerajaan untuk menimbang kenaikan gaji pokok anggota PDRM dari RM684 kepada RM804 sebulan.

Norian berkata kepercayaan yang diberikan oleh kerajaan dan masyarakat kepada PDRM merupakan cabaran yang harus dipikul oleh semua anggota dan ia harus dijadikan sebagai pendorong untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik.

Beliau turut mengucapkan terima kasih kepada bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi kerana kepercayaan yang diberikan untuk memimpin PDRM.

Katanya pemimpin akan datang dan pergi, namun setiap anggota perlu terus menunaikan tanggungjawab dengan cemerlang serta perlu bersiap sedia dan beliau turut melahirkan keyakinan PDRM akan berjaya di bawah kepimpinan yang baru.

Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Seri Mohd Bakri Omar akan memegang jawatan Ketua Polis Negara mulai esok bagi menggantikan tempat Norian, 56, yang memegang jawatan itu sejak 8 Januari 1999, menggantikan Tan Sri Rahim Noor yang meletakkan jawatan.

Norian menyertai polis pada tahun 1969 sebagai kadet ASP dan pernah bertugas di Jabatan Siasatan jenayah Bukit Aman, Ketua Polis Brickfields (1980), Ketua Polis Daerah Petaling Jaya (1982), Ketua Polis Terengganu (1984), Timbalan Pengarah Cawangan Khas Bukit Aman (1990) dan Ketua Polis Selangor (1992) dan Timbalan Ketua Polis Negara (1997).

-- BERNAMA

KK AHH AZH